

SKOP, SEJARAH DAN ALIRAN PEMIKIRAN ISLAM

oleh

Prof. Madya Mohd Kamil Hj Ab Majid

Abstract

The article attempts to explicate the definition and scope and to give a brief history of Islamic thought and its two streams, i.e. the modernist and the traditionalist. The two streams tries to solve the crisis in the thought by their own ways which when analysed have their own weaknesses and strength. The infra-structure which can bring the two streams to a common ground needs to be identified to encourage intellectual and political cooperation which can lead to the excellence of tajdid hadari.

Pendahuluan

Tradisi keilmuan sepanjang sejarah umat Islam telah mencapai suatu tahap yang amat membanggakan. Disiplin-disiplin ilmu dalam berbagai bidang dari 'ulum al-Qur'an, Tafsir, 'Ulum al-Hadith, Mustalah al-Hadith, Tarikh Tasyr'i, Usul Fiqh dan sebagainya termasuk Bahasa Arab telah mencapai tahap kecemerlangannya sehingga membolehkan umat memahami Islam sebagai agama.¹ Namun perkembangannya dalam sejarah terhenti apabila ia melalui zaman *taqlid*, bukan sahaja *taqlid* hukum tetapi zaman hilangnya kreativiti para ilmuwan. Apa yang berlaku adalah tidak lebih daripada pengulangan yang tiada lagi unsur pembaharuan. Tradisi ilmu Islam termasuk ilmu alat yang sepatutnya memudahkan kefahaman ilmu-ilmu Islam seperti pada peringkat awal telah bertukar menjadi penghalang kepada umat untuk memahami ajaran agama.

Implikasi dari keadaan ini membuatkan al-Qur'an dan al-Hadith tidak lagi berani didekati oleh orang awam. Ia menjadi begitu eksklusif dan hanya dapat difahami oleh segolongan mereka yang digelar "ahli-ahli" agama, meskipun gelaran tersebut kurang sesuai dengan umat Islam. Ilmu agama lantas menjadi ilmu yang dihafal tetapi sukar untuk diaplikasi.

¹Abd-al-Hamid al-Najjar, *Fi Fiqh al-Tadayyuh-Fahman Wa-Tanzilan*, (Qatar, T.H. 1410), hlm. 11.

Pengumpulan al-Qur'an dan teks-teks hadith sebagai contoh yang bertujuan supaya mudah dirujuk dan dimanfaatkan telah bertukar menjadi suatu yang suci untuk didekati apalagi disentuh. Sedangkan penghayatan makna dan konsep pula berkurangan. Akhirnya, al-Qur'an dan kitab-kitab Hadith lebih dilihat sebagai penolak bencana daripada ia berfungsi sebagai kitab panduan dan pedoman harian. Teks al-Qur'an dibaca sekadar mendapat berkat dan Kitab Hadith dibaca untuk menjadi penawar.

Apa yang menyedihkan lagi pada zaman kemunduran Islam, teks al-Qur'an dan Hadith dimonopoli oleh segolongan mereka yang diberi gelaran ahli agama, bahkan cukup asing kepada golongan yang selain daripadanya. Sedangkan golongan agama sendiri pula kurang mempunyai persiapan yang cukup untuk menganalisis teks-teks tersebut dari berbagai dimensi seperti politik, sosial, kebudayaan, pendidikan, ekonomi, hubungan antarabangsa dan lain-lain, meskipun mereka masih boleh memberi dimensi hukum. Sedangkan dimensi hukum pun tidak menggambarkan Islam yang lengkap, berimbang dan sederhana.

Ajaran agama Islam yang mengandungi dua unsur penting *Fiqh al-Syar'* (kefahaman agama) dan *Fiqh al-Wa'qi'* (kefahaman realiti) terpisah kerana agama dilihat hanya sekadar '*Ulum Naqliyyah* atau '*Ulum Syar'iyah* sedangkan aspek pemikiran tertinggal. Maka jadilah nas-nas agama tidak lagi mampu ditafsir mengikut perkembangan zaman dan tempat dalam kefahaman agama tentang ekonomi, politik dan sosial. Apa yang mampu ditangani oleh ahli agama hanyalah dalam kepompong fiqh ibadat dan kekeluargaan, pesaka dan pengurusan mayat, bukan lagi dalam aspek kehidupan secara yang menyeluruh.

Adalah tidak adil kesalahan diletakkan ke bahu golongan ahli agama sahaja. Tanggungjawab pemerintah Islam khususnya lebih besar terutama selepas Khulafa' Rasyidin di mana kepemimpinan umat telah dipecah dua. Kepimpinan politik, sosial, ekonomi dan kenegaraan terletak di tangan pemerintah sedangkan kepemimpinan ilmu dan intelektual dalam erti yang sempit dibeban kepada ulama. Ulama tidak dibenar masuk campur dalam soal politik, ekonomi dan sosial yang implikasinya memisahkan ulama dari pusat kuasa. Contohnya, imam-imam mazhab telah menjadi mangsa keadaan tersebut sehingga mereka didera, dipenjara malah ada pimpinan ilmu selepas Imam empat yang dibunuh apabila dianggap kegiatan mereka sudah mengambil alih kepemimpinan sosial atau politik.

Kemunculan ulama pemikir yang agong juga tidak terlepas dari tribulasi dan ujian ini. Lihat sahaja contoh-contoh pemikir Islam seperti Ibn Hazm, Ibn Taymiyyah, Fakhr al-Din al-Razi, malah hingga zaman moden seperti Jamal-al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan lain-lain, samada mereka menjadi mangsa musuh-musuh Islam dari luar atau golongan jumud dari dalam masyarakat Islam sendiri.

Di sinilah perlunya ajaran Islam sentiasa dihurai dan dianalisis pada setiap masa oleh para pemikir Islam agar ia tidak jumud dan menjadi mangsa kebekuan umatnya. Justeru itu, perlu dibezakan antara Islam sebagai agama dengan Islam sebagai pemikiran yang terikat dengan masa, tempat dan tidak maksum. Oleh itu, Islam dalam bentuk bahan mentah sebagai wahyu yang maksum perlu dicanai dalam pemikiran yang terikat dengan kondisi dan situasi tertentu yang sering berubah bukan prinsipnya tetapi pendekatan dan aplikasinya.

Untuk memahami perkara ini perlulah dilihat secara ringkas definisi, skop dan sejarah pemikiran Islam. Mungkin berfaedah juga difahami pemikiran Islam di Nusantara termasuk negara kita Malaysia dan bagaimana para pemikir Islam pada setiap zaman memberikan respons mereka terhadap cabaran dalaman dan luaran. Bentuk respons juga boleh dilihat sebagai mewakili beberapa aliran. Akhir sekali kertas ini akan membentangkan aliran pemikiran Islam semasa yang berkembang khususnya di negara Malaysia, serta sumbangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dalam memperkembangkannya.

Definisi, Skop dan Sejarah Ringkas Pemikiran Islam

Sebagai suatu disiplin ilmu, istilah pemikiran Islam masih dianggap baru.² Ia bermaksud gagasan, idea dan fikiran dari perspektif Islam sebagai respons intelektual kepada persoalan-persoalan manusia, alam, Tuhan dan kehidupan yang timbul daripada pertembungan Islam dengan kebudayaan dan peradaban asing, atau respons terhadap problem dalaman umat Islam. Jadi istilah ini lebih luas dari pengertian "Falsafah Islam" yang dilihat sebagai usaha mempertahankan akidah³ pada suatu tempoh masa dalam Sejarah Pemikiran Islam.

Pemikiran Islam mengandungi falsafah Islam dan juga apa yang disebut sebagai istilah "Pemikiran Agama". Ia merangkumi respons terhadap cabaran luaran dan dalaman tanpa dihadkan kepada tempoh tertentu. Ertinya, ia meliputi respons terhadap pemikiran atau falsafah Greek, Farsi, Hindu atau juga falsafah Sekularisme, Sosialisme, Marxisme malah Athiesme. Samalah juga ia berupa respons terhadap kelemahan dalaman yang lahir akibat perbezaan mazhab dan aliran,⁴ samada dalam Politik, Akidah, Fiqh atau Tasawuf.

Dari segi sejarah, pemikiran Islam muncul dan berkembang apabila iman umat Islam sudah lemah oleh sebab kesibukan duniawi di mana respons timbul

²Mohsin 'Abd-al-Hamid, *al-Fikr al-Islami; Taqwimuhu wa Tajdiduhu*, (Baghdad, 1408H./1987M), hlm. 7.

³Muhammad al-Bahi, *Fikr al-Islami fi Tatawwurih*, (Kaheerah, 1971), hlm. 3.

⁴*Ibid.*, hlm. 4.

untuk menseserikan semula kegiatan mereka dengan agama Islam yang menjadi akidah, syariah dan akhlak. Fenomena ini dikira bermula pada suku akhir abad 1H,⁵ yang dicatat sebagai bermulanya pemikiran Islam dengan munculnya beberapa aliran pemahaman di dalam bidang akidah, fiqh, tasawuf, falsafah, tafsir al-Quran dan meluasnya jurang di antara Syiah dan Sunni.⁶

Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan aliran

- i. Pengaruh tempatan iaitu timbulnya isu kepimpinan yang melahirkan *Khawarij*, *Shi'ah*, *Jumhur al-Muslimin* dan *Murji'ah al-Jabariyyah*, *al-Mu'tazilah*. Kemudian berkembang pula aliran *al-Sifatiyyah* atau *al-Ash'ariyyah* dan *al-Salafiyyah*. Kesemua aliran-aliran itu mempunyai pandangan tersendiri tentang kepimpinan (*al-Imamah*). Samalah halnya pandangan mereka mengenai isu-isu lain dalam masalah akidah.
- ii. Pengaruh asing yang membawa kepada kemunculan aliran falsafah seperti falsafah metafizika yang dibawa oleh Ibn Sina (M.428H./1037M.) dan Ibn Rusd (M.959H./1198M.), falsafah Fizik yang di bawa oleh Abu Bakar al-Razi dan falsafah Ishraqi yang dibawa oleh al-Sharawardi. Pengaruh asing ini juga tidak kurang pentingnya dalam melahirkan aliran tasawuf; Sunni dan falsafi.⁷
- iii. Pengaruh perkembangan masyarakat dari masyarakat yang sederhana kepada tamadun yang lebih kompleks, dari arena politik tempatan kepada arena antarabangsa. Inilah yang melahirkan beberapa aliran fiqh iaitu *ahl-al-Hadith* dan *al-Ra'y*. Kesemua ini dianggap sebagai tahap pertama pemikiran Islam yang merupakan respons umat Islam terhadap kehidupan.

Pada tahap kedua ialah tahap membina semula masyarakat yang sudah banyak dijangkit unsur negatif dari positifnya. Ia respons dalam bentuk mencari faktor kelemahan, dan perpecahan umat dengan melakukan usaha pembinaan dan pendekatan semula (*al-taqrib*) serta penyatuan kembali. Ertinya pemikir Islam menilai semula kesan-kesan negatif dari aliran pemikiran yang berbagai. Di samping itu juga ia melihat kesan-kesan pencerobohan musuh iaitu apa yang dilakukan oleh Tartar di sebelah Timur dan tentera Salib di bahagian Barat dunia Islam.

⁵ *Ibid.*, lihat sama Abu Zahrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, (Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi, t.t.), hlm. 10-22.

⁶ *Ibid.*, lihat sama Abu Zahrah, *Ibid.*

⁷ *Ibid.*, hlm. 9.

Pemikiran Islam pada tahap ini ialah untuk meredakan fanatisme mazhab dan memisahkan budaya Islam dengan budaya bukan Islam yang telah bercampur aduk. Inilah gerakan pemikiran yang dipelopori oleh Ibn Taymiyyah, Muhamad Abdul Wahab, Shah Waliyullah al-Dihlawi, Muhammad Ali al-Sanusi dan lainnya iaitu mengajak kembali semula kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Pada tahap ketiga iaitu tahap cabaran daripada penjajahan Barat yang menguasai pengarahannya ke atas umat Islam secara sepenuhnya. Pada tahap ini cabarannya bukan sahaja daripada Barat tetapi anak-anak muslim yang telah terpengaruh dengan Barat seperti Syed Ahmad Khan di India, Rafi al-Tahtawi, Qasim Amin dan Taha Husin di Mesir, malah dari kalangan luar Islam seperti Orientalisme, Kapitalisme, Sosialisme, Marxisme. Respons pemikir Islam di bawa oleh tokoh-tokoh seperti Jamal-al-Din al-Afghani, Muhamad Abduh, Muhamad Iqbal, Farid Wajdi, Sa'id al-Nursi, al-Maududi, Syed Qutb, Malik bin Nabi, Muhammad al-Bahi, Muhammad al-Mubarak dan lain-lain.⁸

Di Asia Tenggara juga muncul tokoh-tokoh pemikir yang disegani seperti Muhammad Nuquib al-Attas, Mohd Natsir, H.M. Rasjidi, Muhammad Kamal Hasan, Ahmad Ibrahim dan lain-lain.

Masalah Umat Islam: Serangan Luar dan Kelemahan Dalam

Kerajaan Bani Abbasiyah yang berdiri selama 500 tahun (750-1258M.) telah mengalami kehancuran akibat serangan tentera Tartar yang membawa erti runtuhnya sebuah kuasa besar dunia ketika itu. Sementara sepanjang dua abad (1097-1292M.) kerajaan Bani Abbasiyah diancam gerakan salibiah. Akhirnya, Kota Baghdad sebagai pusat kerajaan Abbasiyah hancur di tangan Hulago Khan.⁹ Suatu kehancuran terhadap sistem pemerintahan Islam yang meroboh keyakinan dan moral umat Islam. Malah ia adalah punca kekacauan politik, krisis rohaniah dan intelektual.

Sebenarnya, bukan Hulago Khan sahaja yang patut dipersalahkan atas kejatuhan Baghdad. Tetapi seperti kata Ahmad Subhi Mansur, Amir al-Mu'minin al-Musta'sim bi-illah yang memikul amanah umat Islam lebih dahulu bertanggungjawab, kerana beliau menjadi perompak yang memotong rezeki tenteranya ketika mereka amat memerlukan. Malah kata Ibn Kathir, para tentera menjadi pengemis di pintu-pintu masjid dan pasar. Sebaliknya Khalifah

⁸Mohsin Abd-al-Hamid, *op.cit.*, hlm. 53. Lihat sama, Mohamad Kamil Hj Ab Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, ABIM, (Petaling Jaya, 1993)

⁹Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini*, hlm. 1, lihat sama, Muhammad Ahmad al-Rashid, *al-Muntalaq*, hlm. 5, al-Qaradawiy, *al-Hulul al-Mustawradah*, hlm. 21.

membazirkan harta berbelanja boros kepada para pegawainya sedang para ulama dan elit masyarakat dalam kebuluran.¹⁰

Dengan kata lain, kekalahan Baghdad di dahului oleh kelemahan akidah dan akhlak umat, para penguasa dan kakitangan kerajaan yang zalim, sedang pemimpin intelektual dan ulama memencilkan diri atau dipencilkan.¹¹ Malah menurut istilah Malik bin Nabi umat Islam dari segi dalaman sudah bersedia untuk dijajah.¹²

Satu abad kemudian, negara Uthmaniah mampu ditegakkan di bawah beberapa orang sultan yang kuat bermula dengan kemenangan Sultan Salim ke atas para mamluk, kehebatan negara Islam bangkit semula.¹³ Kali ini ia bermula dengan Sultan Salim III pada abad XVII M, negara Uthmaniah mengambil langkah mengikut jejak langkah Eropah sebagai jalan menuju pembinaan semula.¹⁴

Pengimportan Penyelesaian Secara Pemikiran Asing

Pendekatan ini memulakan pusingan kisanan taklid terhadap orang asing melalui pemindahan ilmu pengetahuan, pengalaman, sains, teknologi dan munculnya sekolah pertama di bidang kejuruteraan dan sains dalam ketenteraan. Kerajaan Uthmaniah membina kekuatan tentera mengikut cara Barat dan memusnahkan kekuatan tentera cara lama dengan membakar dan membunuh mereka yang enggan menerima pembaharuan itu.¹⁵

Namun apa yang jelas sebagai suatu kenyataan sejarah, perancangan pembaharuan cara Barat tidak menghasilkan kekuatan tenteranya; malah kekuatan tentera Uthmaniyah bertambah lemah sedangkan Eropah terus menambah kekuatannya.¹⁶

Kerajaan Uthmaniah maju setapak lagi ke hadapan dengan menghantar pelajar-pelajar ke negara Barat supaya kelak mereka kembali membawa

¹⁰Muhammad al-Ghazali, *Turathuna al-Fikri*, hlm. 108-109, Muhamad Ahmad al-Rashid, *op.cit.*, hlm. 105-106.

¹¹Ahmad Muhammad, al-Rashid, *Al-Muntalaq*, hlm. 106-107. Lihat sama, Sa'ad Ibn Jum'ah, *Allah aw al-Dimar*, hlm. 19.

¹²Malik bin Nabi, *Wjyah al-'Alam al-Islami*, hlm. 38.

¹³S'ad Ibn Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 19.

¹⁴Abd al-Hamid Abu Sulayman, *Azmah al-'Aql-al-Muslim*, hlm. 31.

¹⁵*Ibid.*

¹⁶*Ibid.*

pengetahuan Barat yang dapat dijadikan pengkalan baru dalam taklid iaitu reformasi politik, sosial ala Barat Eropah.¹⁷

Secara ringkas dengan campurtangan zionis antarabangsa dan freemason yang bermula sejak abad ke-16 lagi akhirnya membawa kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniah di bawah ancaman Jawatankuasa Persatuan dan Kemajuan (*The Committee of Union and Progress*) yang di antara anggota terkemukanya: Anwar Pasha, Tal'at Pasha, Jemal Pasha, Helida Edib dan Mustafa Kemal Pasha.¹⁸

Sejajar dengan tuntutan Zionisme, kumpulan Turki Muda (*Young Turks*) ini berjuang atas landasan nasionalisme Turaniah (*Pan Turanianisme*) di mana mereka berpendapat bahawa bangsa Turki lebih unggul daripada bangsa-bangsa lain. Seruan ini menyebabkan Turki terpencil daripada dunia Islam yang lain.¹⁹

Di bawah pengaruh freemason kerajaan Uthmaniah selepas kejatuhan Sultan Abdul Hamid (M. 1912) terlibat di dalam Peperangan Dunia I dengan menjadi sekutu Jerman. Dalam peperangan ini Turki menderita kekalahan yang teruk. Sebenarnya kekalahan ini memang telah dirancang melalui parajurit anggota freemason yang menyertai tentera Turki. Demikian menurut Jeneral Javad Rif'at Atla Khan yang menjadi komandan tentera Turki di dalam peperangan itu.²⁰

Penjajahan tentera Inggeris dan Perancis ke atas negara-negara Islam selepas Peperangan Dunia I dan penguasaannya ke atas negara Uthmaniah, merupakan satu tamparan yang hebat dan bahaya dari serangan Tartar dahulu kerana Tartar meskipun mengalahkan orang Islam, mereka pula beramai-ramai menganuti Islam selepas itu. Suatu sejarah yang luar biasa iaitu golongan yang menang menganuti agama pihak yang kalah disebabkan oleh kekuatan-kekuatan agama Islam itu sendiri.²¹

Namun kekalahan kepada tentera Barat menghakis segala wajah keislaman dan mengembalikan wajah jahiliah.²²

Malah kesannya masih dirasakan hingga ke hari ini dalam pendidikan dan ilmu pengetahuan, kegiatan ekonomi dan kewangan, kegiatan sosial dan kebudayaan serta media massa.²³

¹⁷ *Ibid.*, lihat sama, 'Ali Jarisyah, *Asalih al-Ghazw al-Fikri*.

¹⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 91.

¹⁹ *Ibid.*, Abdul Hamid Abu Sulayman, *op.cit.*, hlm. 31-32.

²⁰ *Ibid.*, hlm. 75, Abdul Hamid Abu Sulayman, *Ibid.*

²¹ Ahmad Muhammad al-Rashid, *op.cit.* hlm. 106-107. Lihat sama, Yusuf al-Qaradawi, *op.cit.* hlm. 21.

²² *Ibid.*

Keruntuhan Uthmaniah telah meyumbangkan kepada keruntuhan kesatuan politik umat Islam dan wujudnya fahaman kebangsaan yang sempit iaitu kebangsaan Turki dan diikuti oleh kebangsaan Arab. Suatu kefahaman yang mengembalikan semula semangat jahiliah sebelum Islam. Inilah antara kejayaan freemason. Gerakan Kebangsaan ini telah memecahkan kesatuan yang dibentuk selama kira-kira 13 abad sebelumnya yang turut menambah kecelaruan pemikiran dan pertentangan ideologi di negara-negara umat Islam yang dibawa oleh penjajah masing-masing. Walau apapun bentuk ideologinya, yang pasti ia bersifat materialisme yang dijadikan sebagai matlamat dan tujuan. Kerohanian dan akhlak yang menjadi asas kekuatan Islam diketepikan.²⁴

Konsep modenisme ala Barat memperkenalkan kepada dunia Islam falsafah Liberalisme, Evolusionisme, Marxisme, Sosiolisme, Pragmatisme, Fruedian dan lain-lain lagi.²⁵ Begitu pun negara-negara Islam bukan sekadar menjadi pasaran falsafah-falsafah Barat, bahkan menjadi pasaran dagangan ekonomi di mana segala hasil mahsul dikuasai. Dalam waktu yang sama Eropah secara halus membawa semangat bencikan agama Islam.

Dunia Islam sejak abad ke-18 dan 19M., dilanda kebekuan pemikiran dan kejahilan. Islam hanya tinggal pada nama dan membuka ruang yang luas kepada serangan pemikiran, politik dan ketenteraan. Serangan Barat ini boleh dikatakan sebagai dendam terhadap kekalahan mereka di dalam Peperangan Salib dan bagi menguasai kekayaan negara-negara Islam. Dari segi psikologi pula ia berjaya menyogok falsafah penguasaan "Orang Putih" dan kemenangan materialisme ke atas konsep ketuhanan dan iman.²⁶

Dr. Yusuf al-Qardawi merumuskan tiga medium utama ke arah penguasaan menyeluruh Barat ke atas umat Islam.²⁷

a. Pengajaran Dan Pendidikan

Penjajahan Barat menggunakan sistem pengajaran dan pendidikan sebagai saluran utama dalam merobah moral umat sehingga menjadikan mereka umat yang lupa diri dan jahil tentang kekuatan diri dan keupayaan sendiri. Umat Islam hilang

²³ Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 77.

²⁴ S'ad Ibn Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 23.

²⁵ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *op.cit.*, hlm. 31-51.

²⁶ Al-Qaradawi, *op.cit.*, hlm. 23.

²⁷ *Ibid.*

personaliti dan menjadi murid yang sentiasa patuh ketika berhadapan dengan tamadun Barat.

Sekolah-sekolah dan institusi missionari di bawah kawalan Barat ditubuhkan di negara umat Islam bertujuan mengambil kanak-kanak muslim yang masih lembut ubun-ubun itu untuk dibentuk. Ia menjadikan mereka semakin jauh daripada ajaran Islam malah lebih dekat kepada budaya Kristian. Ia menjadi cinta kepada tamadun Barat dan kurang selesa dengan tamadun Timur. Sekolah-sekolah moden dengan kurikulum, buku teks, guru-guru yang mendapat galakan missionari memberi kesan yang cukup hebat dari segi kecenderungan kepada ilmu Eropah. Kata Malik bin Nabi, ia memperkenalkan unsur budaya baru kepada dunia Islam. Malah Muhammad Iqbal sendiri mengakui begitu cepatnya perkembangan rohani umat Islam bergerak ke Barat.²⁸

Dr. Ali Syari'ati mengakui pula kejayaan Barat yang mahukan semua orang di dunia hidup serupa, berfikiran serupa dan tidak dibezakan lagi oleh keperibadian dan jiwa seperti juga agama, sejarah, kebudayaan, peradaban lampau, pendidikan dan tradisi.²⁹

Penghantaran pelajar-pelajar ke Eropah yang dilakukan di Turki dan Mesir serta negara-negara Islam lain terutama dalam bidang pengajian sastera dan sains sosial telah membentuk pemikiran, nilai, neraca, cita-rasa, aliran dan tingkah laku.

Akhirnya, anak-anak muslim yang pergi ke Barat sebagai seorang muslim Timur dan kembali ke tanahair - kecuali mereka yang dipelihara Allah - sebagai muslim "Celupan Barat", "Sekular", malah "tidak beragama". Mereka tidak menukar nama dan agama rasmi, tetapi pemikiran mereka juga yang berubah. Nilai dan pandangan hidup mereka terhadap agama, kehidupan, manusia, masa lampau dan masakini sudah berbeza. Malah pandangan mereka terhadap sistem perundangan, budi pekerti dan budaya sudah berubah. Ini dapat dilihat melalui tingkah laku, akhlak dan tulisan-tulisan mereka. Sebagai contoh, di Turki, Ziya Gokalp (1875-1924) bapa nasionalisme Turki yang merupakan pemuja tamadun Barat. Agama dianggap oleh beliau sekadar kepercayaan atau ritual. Dengan itu ilmu pengetahuan psikologi, sosiologi, biologi, fizik dan matematik itu tidak ada hubungan dengan agama.

Seorang lagi nasionalis Turki yang berjaya di "Barat"kan ialah Mustafa Kamal (1881-1934) yang berjaya melaksanakan penghapusan institusi keagamaan dan apa sahaja yang berkaitan dengan Islam disingkirkan. Malah selepas

²⁸Malik bin Nabi, *op.cit.*, hlm. 59-68.

²⁹Ali Syari'ati, *Ideologi Kaum Intelektual*, hlm. 151.

memegang kuasa pada tahun 1923, beliau memusnahkan agama dengan menggantikan sistem sekularisme dan nasionalisme. Mustafa betul-betul berkiblat ke Barat dalam segenap bidang dan memutuskan Turki dari tradisi Islam. Ketika gerakan sekularisasinya sampai kemuncaknya masjid-masjid ditutup, mewajibkan pakaian Barat malah memakai tarbus atau songkok menjadi satu kesalahan jenayah. Pada tahun 1926 diluluskan "Turkish Civil Code" bagi menggantikan undang-undang Syariah.³⁰

Di Mesir pula ia bermula dengan jatuhnya Mesir ke tangan Napoleon Bonaparte tahun 1798. Tetapi pembaratan secara meluas bermula di zaman Muhammad Ali (1765-1845) di mana beliau mula mengirim pelajar ke England, Perancis, Itali dan Austria. Selepas itu berkembanglah tamadun Barat di Mesir melalui al-Tahtawi (1801-1873), kemudian diikuti oleh Qasim Amin, Ali Abdul Raziq, Taha Husin dan lain-lain.³¹

Melalui orang-orang tengah seperti inilah, kata Ali Syari'ati, orang-orang Asia, Afrika diajar bagaimana cara berfikir, berpakaian, berkeinginan, malah bagaimana harus bersedih dan bergembira. Mereka diajar bagaimana membina hubungan sosial dan berbelanja. Ertinya, suatu kebudayaan baru diwujudkan. Kata Syari'ati lagi, modenisasi adalah metod yang paling berkesan menyedatkan dunia bukan Eropah dari segala susunan dan bentuk pemikiran hingga keperibadian.³²

Secara ringkas, sistem pengajaran yang dipaksa oleh Barat ke atas Dunia Timur ialah mewujudkan sekumpulan orang perantaraan di antara Barat dan Timur muslim yang sudah dirobah citarasa, pemikiran, bahasa dan idea, malah kata Macaulay India dalam bentuk warna kulit dan darah, tetapi Inggeris pada citarasa, pemikiran, bahasa dan idea.

b. Akhbar dan Media Massa

Penguasaan melalui sistem pelajaran dan pendidikan pada peringkat rendah, menengah dan tinggi turut diperkukuhkan lagi pada peringkat awam melalui persuratkhabaran. Ia menjadi saluran kepada massa yang memungkinkan perubahan cara berfikir, nilai, neraca, malah pendapat umum. Ia dilakukan dalam bentuk berita, rencana malah gambar-gambar atau sastera kreatif. Turut digunakan ruangan temuramah dan penyelidikan wartawan.

³⁰ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *op.cit.*, hlm. 91-97.

³¹ *Ibid.*, hlm. 98-113.

³² Ali Syari'ati, *op.cit.*

Sebagai contoh, akhbar-akhbar di Mesir digunakan oleh para massionari bagi mengungkapkan pandangan Kristian lebih daripada apa yang dilakukan di negara Islam lainnya. Gibb dalam bukunya "*Modern Trends In Islam*" menyebut bahawa Sekolah dan kolej sahaja belum cukup. Ia hanya langkah pertama kerana ia tidak mampu memimpin aliran politik dan pentadbiran. Untuk sampai ke situ mestilah diberikan perhatian kepada pembentukan "pendapat umum". Ini boleh berlaku melalui surat khabar. Kata Gibb lagi, akhbar alat paling berkesan dan berpengaruh di Dunia Islam.³³

c. Serangan Sosial

Selain daripada dua saluran di atas ialah melalui saluran serangan sosial. Ia berlaku asimilasi adat, tradisi dan citarasa Barat ke dalam keluarga dan masyarakat Islam.

Inilah yang dimaksudkan oleh Hasan al-Bana:

"Eropah telah membawa gelombang kehidupan kebendaan kepada negara-negara Islam... Di samping berusaha menghalang bangsa-bangsa itu mempunyai unsur perubahan (reformasi) dan kekuatan. Melalui serangan sosial yang didokong oleh kepintaran politik, kekuasaan ketenteraan mereka berhasil mencapai apa yang mereka ingini. Mereka memukau pembesar-pembesar Islam dengan memberi hutang kepada mereka dan melalui campurtangan ekonomi. Kepada negara-negara Islam di bawa modal-modal besar, bank dan syarikat yang membawa keuntungan besar. Apa yang penting mereka mampu selepas itu mengubah kaedah hukum, kehakiman dan memberikan celupan mereka terhadap sistem politik, perundangan, budaya yang membawa implikasi kaum wanita meninggalkan rumah, anak-anak muslim mengenal arak dan opera, kabaret dan pusat hiburan, novel-novel dan akhbar mereka..."

"Serangan sosial yang tersusun membawa kejayaan besar. Suatu serangan yang rapat ke jiwa, hati dan sepanjang hayat. Ia cukup berkesan dan lebih berbahaya dari serangan politik dan ketenteraan. Ia menambahkan kekaguman umat Islam kepada tamadun Barat. Akhirnya, Turki mengisytiharkan negaranya bukan lagi negara Islam... Di Mesir pula timbul pendapat mengatakan tidak ada jalan lain untuk maju kecuali mengambil

³³H.A.R. Gibb, dinukil daripada Yusof a-Qaradawi, *op.cit.*, hlm 31.

*cara Barat; buruk baiknya, pahit manisnya, apa yang diinginkan atau dibencinya ... Dan ia cepat berkembang ke luar Mesir sehingga ke Barat Dunia Islam.*³⁴

Strategi tiga serampang ini yang nyatanya tidak mampu dihadapi oleh umat Islam - dihadapi secara jumud atau hanya dengan kata-kata. Taklid menjadikan umat tidak mampu bangkit untuk mencari jawapan yang tepat dan sepadan. Mereka sedar ketika musuh sudah menyisihkan mereka dari semua tenaga dan tindakan berkesan.

Dr. Abdul Wahab Azam menggambarkan hal ehwal umat Islam dengan katanya:

*"Fitnah ini semua berkumpul ke atas Timur Dunia Islam yang cukup menggoncangkan iman, membingungkan perasaan, merabunkan mata dan melumpuhkan akal dan hati... Orang-orang Timur menjadi sesat. Di mana-mana jasad-jasad mereka berdenyut dengan hati Barat, berfikir dengan akal Barat malah mereka menyerah kalah... Mereka menghina diri, datuk nenek mereka malah warisan tamadun mereka. Mereka lebih mengutamakan Barat..."*³⁵

Aliran pengkagum Barat yang disebut moden ini kata Malik bin Nabi menjadi peniru tanpa keaslian.³⁶ Di India munculnya Syed Ahmad Khan (1817-1898) sehinggalah berusaha mentafsirkan al-Qur'an pun berasaskan semangat modenisme Barat, iaitu berasaskan nilai-nilai rasionalisme, materialisme, saintisme, naturalisme, relativisme, evolusionisme dan sebagainya. Beliau sampai menolak mukjizat di dalam Islam. Beliau juga turut menolak hukum Islam yang dianggap tidak sesuai lagi dengan zaman moden, seperti hukum potong tangan bagi kesalahan mencuri atau hukuman rejam atau sebat bagi kesalahan zina. Baginya, hukuman seperti itu hanya sesuai untuk masyarakat primitif.³⁷

Di bidang pendidikan melalui sokongan British beliau menubuhkan Muhammadan Anglo-Oriental College di Aligarh menurut model Universiti Cambridge. Ia bercorak pendidikan sekular dan liberal. Menurut penilaian Abul

³⁴Sila lihat teks penuh dalam Hasan al-Banna, "Bayn al-Ams wa-al-Yawm" dalam *Rasa'il al-Imam al-Syahid*, hlm. 245-247.

³⁵Petikan daripada Yusuf al-Qaradawi, *op.cit.*, hlm. 24-25.

³⁶Malik bin Nabi, *op.cit.*, hlm. 93.

³⁷Lihat, Muhammad al-Bahi, *al-Fikr al-Islami al-Hadith*, hlm. 19-25; lihat sama Abu-al-Hasan al-Nadwi, *al-Sira' Bayn al-Fikrah al-Islamiyyah wa-al-Fikrah al-Gharbiyyah*, hlm. 82-92.

Hasan al-Nadwi, sistem yang mempunyai dua kelemahan; iaitu bersifat sekular dan dualisme, bukannya bersifat bersepadu. Ia ditentang oleh para ulama kerana tunduk kepada nilai tamadun Barat di mana sistem seumpama ini akan mempengaruhi akidah dan akhlak.³⁸

Modenisme ala Barat di Turki dan kesemua negara Islam lain bukan sahaja tidak memperbaiki keadaan kelemahan umat secara total, malah menjadi semakin jauh jaraknya dengan tamadun Barat. Ia menambahkan lagi kemunduran Turki, Mesir dan negara Islam lain, malah bertambah tenat dan berpecah belah.³⁹

Kegagalan ini disebabkan umat Islam gagal untuk menggembeling nilai-nilai akidah, ideologi, dorongan jiwa dan sebagainya malahan mengambil nilai-nilai Barat yang terlalu asing bagi diri mereka.⁴⁰

Menurut Malik bin Nabi, masyarakat Islam telah bercerai dari budayanya, warisan rohani dan aspek teknikal yang hanya sudah menjadi catatan sejarah, malah mereka menjadi umat yang waham dan berbicara dengan lidah yang kelu.⁴¹

Lebih dari itu kebangkitan semula negara Islam tidak mencerminkan evolusi sosial umat Islam.

Aliran Tradisional Sejarah

Tidaklah boleh meletakkan punca kehancuran negara Islam secara total kepada pengagum Barat sahaja. Ia lebih dahulu dipertanggungjawabkan kepada para ulama dan cendekiawan muslim tradisional yang sejak beberapa abad sebelumnya telah berpisah dari kepimpinan secara berkesan. Mereka menjadi golongan yang ketinggalan zaman dan kalah menghadapi cabaran zaman.

Dengan kata lain, mereka terlalu meremehkan masalah iaitu selalu bergantung kepada nostalgia sejarah masyarakat Islam zaman awal. Hal ini agar lebih mudah difahami bermula dari berlakunya pemisahan di antara kepemimpinan politik di satu pihak dan intelektual di pihak yang lain. Ia terjadi sebaik sahaja kejatuhan sistem khalifah bertukar kepada sistem beraja Bani Umayyah dan Bani Abbasiyah. Ertinya, kepemimpinan intelektual gagal mendokong tokoh-tokoh yang iltizam dengan Islam sebaliknya dikuasai oleh unsur-unsur fanatisme kabilah dan puak. Ini membawa kepemimpinan intelektual

³⁸ Abdul Rahim Haji Abdullah, *op.cit.*,

³⁹ Abdul Hamid Abu Sulayman, *op.cit.*, hlm. 32.

⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 34.

⁴¹ Malik bin Nabi, *op.cit.*

mengundur diri daripada politik dan pentadbiran dan menjadi ulama yang membincangkan Islam secara serpihan bukan lagi global.⁴²

Perkara ini jelas dari kenyataan sejarah pemencilan ulama dari ikut serta dalam pembangunan praktis dan kurang perhatian kepada pelaksanaan syariat secara global, tetapi tersudut dalam perkara-perkara peribadi seperti fiqh ibadat. Namun kurang berkembang dalam hukum yang lebih luas termasuk bidang politik, ekonomi, sosial dan antarabangsa.

Jadi hal ini lebih bersifat sejarah perubahan nilai, matlamat, tujuan dan neraca Islam yang tulin kepada nilai, matlamat, tujuan dan necara politik baru umat Islam yang membawa kehancuran sistem khalifah kepada kuasa kabilah, fanatisme, kezaliman....

Beberapa abad, para ulama dipinggir terasing dari tanggungjawab sosial dan praktis secara berkesan iaitu bermula dari zaman Imam Mazhab Empat. Ini menjadikan pemikiran muslim terkurung di sebalik tembok-tembok masjid dalam kitab-kitab teori ilmu kalam, fiqh, bahasa dan berakhir dengan apa yang dikenali tertutupnya pintu ijtihad. Pada hal ijtihad tidak pernah menutup pintu atau jendelanya kecuali gambaran atas kebekuan pemikiran kerana terpisah dari tidak iltizamnya kepemimpinan politik dari garis politik Islam yang tulin.⁴³

Bukanlah sukar memahami keruntuhan dalaman dan kemerosotan politik umat selepas kehancuran sistem khalifah. Meskipun pada zahirnya tamadun Islam berkembang kesan daripada tolakan tamadun awal Islam. Namun dari segi dalaman ia telah berunsur menguncup sehingga membawa kejatuhan total di tangan Tartar dan tentera Salibiah.

Krisis Pemikiran Punca Masalah

Umat Islam setelah beberapa kali dilanda perpecahan dalaman dan serangan luaran lalu muncul sebagai umat yang hilang punca. Umat yang lebih menitikberatkan perselisihan remeh temeh daripada berani membincangkan isu-isu besar. Pada hari ini dalam jumlah angka di antara 1/4 dan 1/5 penduduk di dunia mereka menjadi umat yang kerdil, yang tidak begitu berperanan besar sama ada dalam bidang ilmu pengetahuan, mahupun bidang pengeluaran, malah menjadi umat yang tidak mampu mempertahankan dirinya lagi. Malah menurut Syeikh Muhammad al-Ghazali, umat yang lebih hampir kepada mati dari hidup. Umat

⁴²Abdul Hamid Abu Sulayman, *op.cit.*, hlm. 38-39.

⁴³*Ibid.*, hlm. 47-49.

yang tidak mampu membuat apa-apa selain dari berteriak dan melolong. Malah tidak pandai menggunakan kekayaan yang dikurniakan Allah kepada mereka.⁴⁴

Golongan tradisional tersilap apabila meninggalkan ilmu kehidupan dan hanya berpada dengan ilmu syariah. Pada hal surah al-Baqarah (ayat 31-33), al-A'raf (ayat: 10-11) menggambarkan datuk nenek mereka Adam a.s. diberikan ilmu kehidupan untuk dikembangkan, dibangun alam, malah diberikan akal untuk menguasai angkasa, lautan dan sumber di perut bumi.⁴⁵ Golongan ini seolah-olah tidak memahami lagi ayat-ayat seperti surah al-Talaq: 12, al-Kahfi: 93, al-Anbiya: 80, apatah lagi surah al-Zaariyat: ayat 7-8, al-Mulk, ayat: 3-4, al-Takwir ayat: 15-17, al-Nazi'at ayat: 30-33, al-Nahl: ayat 12-13, al-Hadid: ayat 25, dan lain-lain.⁴⁶

Justeru meninggalkan ilmu kehidupan dan sains semesta, mereka mendidik umat menjadi buta huruf. Umat yang menolak matematik, malah membedakan antara ilmu agama dan sivil. Mereka menghabiskan usia umat mengajar sembahyang dan wuduk sampai melupakan ilmu pembangunan. Ini berbeza daripada datuk nenek mereka yang menjadi pengasasnya.

Kesempitan cakupan bidang ilmu ini membuat mereka miskin sehingga tidak memungkinkan mereka berkhidmat secara berkesan kepada agama mereka. Sedangkan pada masa yang sama orang-orang telah menerokai bidang ilmu dan teknologi dengan mengeksploitasi yang kering dan basah, yang beku dan cair, besi dan emas, tanah dan udara malahan semua bahan-bahan mentah.... Mereka mengenal semua makhluk hanya jahil tentang Penciptanya.⁴⁷

Keadaan kejahilan umat, kemiskinan mereka hampir menjadi sinonim dengan umat Islam. Malah lebih parahnya apabila timbul suara di kalangan mereka yang menganggap penyakit, kejahilan dan kemiskinan itu sebahagian daripada agama. Kegilaan ini sampai menakutkan apabila mereka menganggap Islam membenci harta, menyukai kemiskinan, malah agama merelai kelemahan dari segi sivil dan ketenteraan atau membolehkan kemerosotan moral dan material. Malah mengizinkan umat Islam menjadi ekor dan pihak lain menjadi tuan. Sedangkan Allah melaknati kelemahan dan kemalasan.⁴⁸

Kesimpulan ringkas, umat Islam ditimpai segala kelemahan adalah sama ada oleh sebab penyelewengan di hati atau fikiran, atau kedua-dua sekaligus pada

⁴⁴Muhammad al-Ghazali, *op.cit.*, hlm. 7, 9, 10-12.

⁴⁵*Ibid.*, 18.

⁴⁶*Ibid.*, hlm. 18-25.

⁴⁷*Ibid.*, hlm. 29.

⁴⁸*Ibid.*

sebahagian individu mahupun golongan. Malah inilah yang pernah di peringatkan oleh Rasulullah s.a.w. agar menjauhi hati yang keras atau fikiran yang lemah.

Dengan lebih jelas apabila agama lebih bersifat dangkal ia bertukar lebih kepada bentuk dari isi, malah sudah hilang pula adab-adab berbeza pendapat, hilang juga fiqh (kefahaman) menimbang antara *kulli* dan *juz'i*, jangka panjang dan jangka pendek, maslahat dan mudarat, malah sampai lupa apa yang patut diutamakan dan kurang diutamakan.

Akhirnya, agama tidak lagi mencerminkan Islam yang syumul dan universal, sederhana dan seimbang. Malah agama sudah hilang ruh dan semangatnya dan tidak lebih daripada ritual yang kehilangan sinar sosialnya.

Di samping penyelewengan pemikiran umat Islam ialah masalah kedudukan wanita yang diletakkan seperti manusia kelas dua.

Cabaran Umat Islam Selepas Kejatuhan Uthmaniah Turki Akibat Fahaman Sekularisme

Untuk memudahkan perbincangan aliran sekularisme boleh dianggap ancaman yang hebat dihadapi oleh umat Islam. Antara perkara yang menjadi tumpuannya ialah hal ehwal keluarga atau hubungan di antara lelaki dan perempuan. Eropah telah membawa ke Dunia Islam "Pergualan Bebas". Pengenalan budaya ini bukan sukar lagi diterima pada masa umat Islam tidak lagi memahami al-Qur'an malah al-Qur'an hanya menjadi sekadar mencari keberkatan.

Aspek yang tidak kurang bahayanya malah asas sifatnya ialah ajaran yang memisahkan secara total di antara ilmu pengetahuan dan agama yang dimulakan di Barat oleh Copernicus, Kepler, Galileo dan Newton. Kajian mereka inilah pada masa berlakunya revolusi sains antara tahun 1500-1700 di Barat secara tidak langsung menggugat sendi-sendi dasar agama.⁴⁹ Malah yang paling berpengaruh ialah Sir Francis Bacon (1561-1626) jaguh utama aliran empirisme. Baginya, sumber ilmu pengetahuan yang lebih dipercayai melalui ujian dan pengalaman. Beliau mengatakan sains akhirnya akan menggantikan agama dengan memberikan kepada manusia kuasa mutlak atas alam tabi'i. Malah akan mewujudkan di atas muka bumi "syurga" dengan kemakmuran dan kesejahteraan.

John Lock (1632-1704) yang bukan sahaja salah seorang tokoh aliran empirisme, bahkan juga mempelopori aliran liberalisme dalam politik dan ekonomi. Pengaruh beliau ternyata dalam politik Amerika dan Perancis. Dalam

⁴⁹Lihat, al-Qaradawi, *op.cit.*, hlm. 53-58, Sa'd Ibn Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 37-47, Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 41-46.

segi ekonomi, pemikirannya sangat mendalam kesannya kepada sistem "Laissez-faire" atau ekonomi bebas, khasnya teori-teori Adam Smith.

Perkembangan selanjutnya aliran liberalisme mengambil bentuk utilitarianisme, satu aliran falsafah moral yang mengutamakan faedah (utility) sebagai ukuran nilainya. Kemudian muncul Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873) di mana ukuran baik buruk sesuatu dikira dari segi akibatnya. Ia dianggap mendatangkan kesusahan. Apa yang penting bukan pada motifnya, tetapi akibatnya. J.S. Mill secara khusus memberikan pengajaran bahawa segala tindakan masyarakat tidak berhak disekat asalkan tidak merosakkan orang lain. Masyarakat berhak menyekat apabila melibatkan orang lain. Jadi, falsafah hidup ini membawa faham individualistik sifatnya.

Perkembangan di Eropah terutama pada zaman Renaissance dengan tokoh-tokoh seperti Montesquien (1689-1755), Voltaire (1692-1778) dan Rousseau (1712-1778) merupakan kemuncak penolakan orang Barat terhadap agama (Kristian) atau apa sahaja yang berhubung dengan agama. Aliran saintisme menganggap hanya melalui kaedah saintifik sahaja dapat diperolehi pengetahuan dan kebenaran.

Timbul selepas itu perbahasan epistemologi antara aliran rasionalisme, empirisme hingga timbul pula aliran idealisme. Maka muncullah nama-nama Immanuel Kant (1772-1804), Fichte (1762-1814), Hegel (1770-1831) dan lain-lain.

Teori ahli-ahli falsafah meletakkan mereka mengatasi golongan agama sebagai tempat rujukan dalam menyelesaikan masalah kehidupan. Pada abad ke-19 kemajuan sains telah mencapai kemuncaknya sebagai "*The Golden Age of Science*". Di sini berkembangnya teori evolusi Darwin yang selepas itu menjadi dasar kepada pemikiran dan pandangan hidup. Abad ke-19 pernah diungkap sebagai idea perkembangan (*idea of development*) yang mencapai bentuk yang sempurna di tangan Darwin. Teori ini menyarankan manusia berasal sejenis haiwan, iaitu mawas-manusia. Semua haiwan pula berasal daripada nenek moyang yang sama iaitu suatu sel purba.

Darwin menolak agama Kristian dan menjadi penganut ateisme. Teori ini telah menolak Adam sebagai manusia pertama. Malah teori ini menjadikan orang percaya segala sesuatu terjadi dengan sendirinya, bukan diciptakan Tuhan.

Abad 19 juga melahirkan Karl Marx (1818-1883), bapa aliran komunisme. Teori komunismenya banyak dipengaruhi oleh dialektik Hegel dan teori Darwin. Akhirnya bertukarlah "*Dialectical Idealisme*" kepada "*Dialectical Materialism*".

Dari teori ini timbulnya pula teori "*historical materialisme*" suatu bentuk teori yang menekankan faktor ekonomi untuk memahami sejarah.

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 muncul pula aliran pemikiran yang amat berpengaruh di Amerika iaitu aliran pragmatisme. Ia menjadi matang di tangan William James (1842-1910) dan John Dewey (1859-1952) yang menerapkannya dalam bidang pendidikan. Dewey menyarankan sistem pendidikan yang bersifat "*Problem Solving*" yakni dapat menyelesaikan masalah atau menyesuaikan diri dengan dunia yang sentiasa berubah-ubah. Teori pragmatisme suatu doktrin tentang perubahan dan perkembangan, suatu aliran relativisme dalam pandangan hidup. Sesuatu idea itu dikira benar jika ia dapat dilaksanakan.

Seorang tokoh yang berpengaruh di abad ini ialah Sigmund Freud (1856-1939). Pengaruhnya kepada bidang psikologi khususnya meletakkan asas-asas materialisme dan atheisme di dalamnya. Justeru itu dalam psikologi moden, agama sudah tidak penting, malah dianggap sebagai suatu khayalan.

Paling akhir nama-nama Jean-Paul Sartre (1905-1980), Albert Camus (1913-1960) dan Jaspers (1883-1969) yang menghebahkan aliran eksistensialisme di mana seseorang tidak dapat memahami sesuatu dengan baik tanpa mengenali latar belakang suasana yang melahirkannya. Ia sebagai respons terhadap masyarakat moden serta kehilangan arah pada ciri-ciri individualismenya. Sartre khususnya menggambarkan manusia sebagai pencipta dirinya, serta bertanggungjawab ke atas dirinya. Manusia tidak memerlukan Tuhan untuk meringankan bebannya. Katanya.

"Existentialism is not atheistic that it wears itself out-showing that God dies not exist. Rather, it declares that even if God exist, that would change nothing."

Sartre cukup mempertahankan konsep kebebasan malah selama 51 tahun beliau bersekedudukan dengan Simone de Beauvoir tanpa nikah, kerana bagi mereka, perkahwinan adalah "An obscene bourgeois institution".

Demikianlah secara ringkas falsafah Barat di samping satu lagi perkara penting iaitu gerakan emansipasi wanita yang dipelopori oleh Simone de Beauvoir (1949-1986) yang menerbitkan karyanya *The Second Sex* (1949).⁵⁰

Apa yang penting pengalaman Barat ini pada hari ini mencabar golongan umat Islam terutama golongan intelektual yang belajar di Barat atau institusi ala-Barat. Dari segi lain, golongan tradisional pula kebanyakannya jahil langsung dengan perkembangan tersebut dan masih berlawan dengan aliran jabariyyah,

⁵⁰*Ibid.*

qadariyyah dan muktazilah yang sudah pupus. Ramai ulama Islam dan umatnya berjuang di medan yang tidak ada musuh, tetapi gagal menghadapi musuh di depan matanya.

Cabaran Orientalisme

Selain daripada cabaran kolonialisme politik, ekonomi dan sekularisasi ilmu dan pandangan hidup, peranan orientalis tidak kurang hebat mencabar umat Islam. Malik bin Nabi merujuk orientalis sebagai penulis-penulis Barat yang menulis tentang pemikiran Islam dan peradaban Islam.⁵¹ Lebih tepat lagi mereka menulis tentang hal ehwal ketimuran, termasuk hal keislaman dan penganutnya.

Dr. Mustafa al-Siba'i mengatakan tujuan mereka sama ada untuk mengacau dan memutar belitkan agama Islam melalui penyemaian bibit-bibit keraguan terhadap Islam seperti memalsukan sejarahnya. Kadangkala tulisan mereka cuba mengingkari al-Qur'an sebagai kitab wahyu, atau mendatangkan keraguan terhadap hadis Nabi s.a.w. Ia tidak syak lagi bertujukan penjajahan dan menyebarkan agama Kristian. Di Malaysia orientalis ini terdiri daripada mubaligh Kristian dan pentadbir kolonial seperti W.G. Shellabear, R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt.

Namun ada juga yang bersifat ilmiah dan keilmuan. Tetapi jumlahnya sangat sedikit. Beberapa orang yang jujur dari kalangan mereka akhirnya bertemu kebenaran seperti Muhammad Asad, M.M. Pickthal, Maryam Jameelah, T.B. Irving, Abdul Ahad Daud dan lain-lain.

Kalangan mereka yang dianggap bersikap objektif seperti H.A.R. Gibb, A.J. Arberry dan Arnold Toynbee. Namun mereka ini pun tidak terlepas daripada melakukan kesalahan dan penyelewengan terhadap Islam. Gibb pernah menganggap al-Qur'an suatu yang sulit, menjemukan malah bercampur aduk dan tidak teratur. A.J. Arberry pula meremehkan sunnah atau hadis.⁵²

Malah seperti kata Malik bin Nabi, golongan yang memuji Islam pun dari satu segi memberi hiburan secara terpesona dan mengasingkan fikiran dan perasaan yang tidak membawa apa-apa faedah, samalah katanya dengan menceritakan kekayaan kepada orang yang kebuluran. Hal ini berlaku pada masa

⁵¹Malik bin Nabi, "Intaj al-Mustashriqin wa-atharuhi fi al-fikr al-Islami al-Hadith" dalam *al-Qadaya al-Kubra*, hlm. 167.

⁵²Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 61-68.

umat Islam dihinggapai “Inferiority Conflict” berhadapan dengan tamadun Barat yang gagah itu.⁵³

Ertinya, kegemilangan Islam hanya digambar seperti cerita seribu satu malam, untuk kemudiannya terjaga betapa jauhnya realiti masakini dengan idealisme masa lampau. Ia tidak lebih dari longgokan maklumat yang tidak layak membawa faedah, malah lebih banyak mengkhayalkan dan menghiburkan sahaja. Malah tulisan Tantawi Jauhari, Farid Wajdi, Ahmad Ridha dari jenis ini, kata Malik lagi. Pandangan ini lebih melihat dari segi psikologi sosial, bukannya dari segi perkembangan ilmu.⁵⁴

Pemikiran Islam Di Asia Tenggara: Dari Hulu Yang Jernih Atau Hilir Yang Keruh

Semenjak abad ke-9M., rombongan orang-orang Syiah telah sampai ke Nusantara setelah mereka ditewaskan oleh tentera Khalifah al-Ma'mun. Mereka dikatakan berjaya mengislamkan seluruh penduduk Perlak. Hasil perkahwinan itu melahirkan Syed Abd. al-'Aziz, yang kemudiannya mendirikan kerajaan Syiah di Perlak pada tahun 840M./225H. Kerajaan ini memerintah hingga abad ke-12M.⁵⁵

Kedatangan Syiah ini dikatakan membawa pengaruh pemikiran kepada orang Melayu mengenai teori Nur Muhammad. Menurut teori ini, sebelum Allah menjadikan sesuatu, Dia menjadikan Nur Muhammad terlebih dahulu. Daripadanyalah terjadi segala makhluk di langit dan di bumi termasuk malaikat, jin, manusia, laut, bumi, bintang, matahari, tumbuhan dan sebagainya. Dengan kata lain, Nabi Muhammad s.a.w. adalah kejadian yang terawal sebelum adanya Nabi Adam lagi.⁵⁶

Selain daripada Nur Muhammad ia juga disebut *Haqiqah Muhammadiyyah*. Menurut teori ini, Allah adalah wujud mutlak dan Nurnya salah sebahagian dariNya. Ia adalah pernyataan pertama dalam *Uluhiyyah*, pernyataan keduanya dalam *rububiyah*. Dari sini terjadinya Nur Muhammad (*Haqiqah Muhammadiyyah*) yang menjadi asas dan punca segala kejadian alam. Kejadian yang paling mulia ialah manusia yang sempurna (*Insan Kamil*). Mereka ini adalah hasil limpahan Nur (cahaya) Muhammad.

⁵³Malik bin Nabi, *al-Qadaya al-Kubra*, hlm. 170-173.

⁵⁴*Ibid.*

⁵⁵A.Hasjmi, 1981, hlm. 146-148; Lihat sama, Mahyudin Hj. Yahya, “Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam Dalam Konteks Alam Melayu” Iktibar Untuk Abad Akan Datang” dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 1, (1993), hlm. 71.

⁵⁶Mahyuddin Hj. Yahya, *Ibid.*, hlm. 71.

Cahaya ini melimpah dan menitis ke atas para nabi, wali, dan Imam-imam Syiah. Mereka ini dianggap suci kerana berasal dari nur yang suci iaitu Nur Muhammad dan Nur Muhammad pula bersifat suci lagi *qadim*, kerana ia berpunca daripada nur Allah.⁵⁷

Doktrin ini yang dikatakan berpunca dari ajaran-ajaran yang dibawa oleh tokoh-tokoh tasawuf seperti al-Hallaj (m. 922M.), al-Bistami (m. 874M.). Al-Bistami telah memperkenalkan doktrin (*al-Ittihad*), sementara al-Hallaj memperkenalkan doktrin *al-Hulul*.⁵⁸

Apa yang menarik, orang yang pertama menyebarkan doktrin ini di Asia Tenggara ialah Syeikh Abdullah 'Arif (m. 1177M.). Menurut W.M. Saghir Abdullah,⁵⁹ kitab *Bahr al-Lahut*, kitab pertama dikarang di Nusantara dan diterjemah ke bahasa Melayu di zaman kebesaran Melaka.⁶⁰

Kemudian pemikiran Islam berkembang pada sekitar abad 13M. Ajaran Syiah mula dicabar oleh Syeikh Ismail al-Siddiq, di mana beliau bukan sahaja mengislamkan Mirah Silu (*al-Malik al-Salih*) tetapi juga untuk menukar fahaman mazhab di Pasai kepada mazhab Shafi'i.⁶¹ Sejak itulah pengaruh aliran Sunni dan mazhab Shafi'i semakin bertambah kukuh. Pasai muncul sebagai pusat penyebaran Islam yang menghantar pendakwah ke Melaka, Jawa dan Patani.⁶²

Pemikiran Islam yang berkembang adalah akidah (Ilmu Kalam), fekah, tasawuf. Pengaruh Imam Ghazali tidak boleh dinafikan.⁶³ Namun begitu pengaruh aliran-aliran lain yang dibawa oleh golongan mistik falsafah masih kuat di Pasai dan di Melaka. Perbincangan mengenai masalah *Jabariyyah* dan *Qadariyyah* dibahaskan di Melaka pada zaman Sultan Mahmud Shah (1488-1511M.). Dalam hubungan ini aliran *Jabariyyah* lebih mendekati pemikiran umat Islam Nusantara kerana aliran *Qadariyyah* menjadi pegangan puak Muktazilah.

Perkembangan tasawuf Sunni di Alam Melayu tercabar pula pada abad ke-17M. di tangan Hamzah al-Fansuri dan Shams al-Din al-Sumatrani. Dengan

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ *Ibid.*, huraian lanjut lihat S.M. Nasr, 1986, hlm. 161-167.

⁵⁹ Wan Mohd Shaghir, *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, Jld. 1, (Kuala Lumpur, 1991), hlm. 2.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm. 105.

⁶² Mahyudin Hj. Yahya, *op.cit.*, hlm. 74.

⁶³ *Ibid.*, hlm. 75.

kedudukan sebagai mufti, faham *Wahdah al-Wujud* berkembang bukan sahaja di kalangan rakyat tetapi juga di kalangan pemerintah, aliran *Wahdah-al-Wujud* atau *Wujudiyah* sebaliknya disanggah oleh Nuruddin al-Raniri melalui teori *Wahdah al-Shuhud*. Polimik ini telah meninggalkan kesan ke atas pemikiran Islam di Asia Tenggara hingga ke hari ini.

Namun pada abad 18M., Winstedt merakamkan yang para ulama di negeri-negeri Melayu kembali kepada tasawuf Sunni al-Ghazali melalui karangan Syeikh Abd al-Samad al-Palimbani. Abd. al-Samad al-Palimbani walau bagaimanapun turut menggunakan sumber-sumber rujukan lain seperti karangan Abd-al-Karim al-Jili dan Ibn Arabi. Al-Palimbani juga telah memasuki Tarekat *al-Khalwatiyyah*. Begitu juga dengan al-Banjari (m. 1812M.).

Sebagai kesimpulan, kebanyakan ulama Nusantara tidak dapat lari dari pengaruh tasawuf. Malah menurut Mohd Nor Ngah, pemikiran ulama Melayu Nusantara boleh dikatakan hanya terbatas kepada bidang agama kerana pada pandangan mereka ilmu-ilmu bukan agama tidak penting dipelajari. Akibat itu bidang urusan kehidupan hampir diabaikan.⁶⁴

Kedadaan ini menimbulkan tentangan aliran reformist (Islah) yang mendapat pengaruh daripada Afghani, Abduh dengan *Islahisasi* di bawah pimpinan K.H. Ahmad Dahlan di Indonesia, Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin di Malaya pada pertengahan abad 20M. Malah selepas tahun 70an Asia Tenggara seperti dunia Islam lain semangat Islam kembali bertenaga terutama selepas mendapat ilham dan pengaruh daripada dua gerakan Islam di Mesir dan Indo-Pakistan iaitu Ikhwanul Muslimin dan Jama'ati Islami.

Pengalaman Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Dalam Bidang Pemikiran Islam

Akademi Islam Universiti Malaya yang ditubuhkan pada 1 April 1981 adalah kesinambungan daripada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang ditubuh pada 1 Oktober 1965 lagi. Sebenarnya dekad 70an adalah period kebangkitan semula Islam di Asia Tenggara, khususnya Malaysia. Pada tempoh masa tersebut beberapa pusat pengajian tinggi Islam wujud seperti Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (FIUKM). Beberapa buah unit pendidikan Islam ditubuhkan seperti di Institut Teknologi Mara (ITM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan lain-lain lagi. Malah tahun 70an juga idea penubuhan Universiti Islam secara tegas diperjuangkan.

⁶⁴ *Ibid.*

Ringkasnya, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) muncul seiring dengan perkembangan pemikiran Islam di pusat-pusat pengajian tinggi lainnya, bukan sahaja di Malaysia malah seluruh Asia Tenggara.

Pada hemat penulis penubuhan institusi-institusi ini telah menggantikan peranan institusi pondok tradisional yang sebelumnya lebih dominan dalam mengajarkan pemikiran Islam. Malah kelebihan institusi-institusi baru ini lebih terkehadapan dari segi penyelidikan melalui tesis dan disertasi Sarjana dan Doktor Falsafah.

Secara khusus, Bahagian Pengajian Syariah dan Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) adalah ditubuhkan atas tujuan membantu pelajar aliran agama di sekolah-sekolah Arab/Agama bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dalam bidang Islam. Sebelum tertubuhnya APIUM dan Fakulti Islam (UKM) pelajar-pelajar tertumpu ke Kolej Islam Kelang atau ke Indonesia, India, Mesir, Arab Saudi dan beberapa buah negara Islam yang lain. Namun satu kelebihan di Institusi Pengajian Islam era tahun 70an, bukan sahaja menawarkan kursus matapelajaran Islam tradisional tetapi turut menawarkan ilmu pengetahuan umum yang diberi pendekatan Islam seperti undang-undang, ekonomi, pentadbiran dan pengurusan, politik dan seumpamanya. Kursus-kursus ini bukan sekadar membolehkan mereka menjadi guru agama dan kadi tetapi membolehkan mereka memasuki bidang pentadbiran, banking, kepolisian, ketenteraan (KAGAT) dan lain-lain.⁶⁵

Akademi Islam sejak tahun 1981 samada di Fakulti Syariah mahupun di Fakulti Usuluddin dan Pendidikan Islam menawarkan Kursus Pemikiran Islam dalam berbagai matapelajaran seperti: Pengantar Fiqh, Pengantar 'Aqa'id, Pengantar Pemikiran Politik Islam, Sejarah Perkembangan Hukum Islam, Fiqh Ibadat, Fiqh Ahwal Syakhshiah, 'Aqa'id, Usul Fiqh, Institusi Politik Islam, Hukum Islam Sezaman, Fiqh Mu'amalat, Fiqh Jinayah, Pemikir-pemikir Politik Islam, Hukum Islam Antarabangsa, Siyasa Syar'iyah, Qawa'id Fiqhiyyah. Lain-lain disiplin lagi seperti Pengantar Falsafah, Mantiq, Falsafah Islam, Falsafah Perbandingan, Akhlak dan Tasawuf.⁶⁶

Analisis Ringkas

Berdasarkan buku panduan AIUM 1982/83, Pemikiran Islam sebahagian apa yang ditawarkan mengandungi:

⁶⁵ *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya*, 1982/83, hlm. 1-2.

⁶⁶ *Ibid.*

- Pertumbuhan dan perkembangan pemikiran Islam pada zaman Rasulullah, Khulafa' al-Rasyidin, Bani Umayyah, Bani Abbasiyyah. Turut dibincangkan Definisi Ilmu Kalam, Pertumbuhan Ilmu Kalam, Aliran Salaf dan Khalaf.
- Perbincangan mengenai Zat Allah, sifat, hubungan di antara zat dan sifat Tuhan menurut ahli-ahli Ilmu Kalam. Beberapa topik lain dibincang: *Khalq al-Af' al, al-Solah wa-al-Aslah, Khalq al-Quran, Qada wa Qadar, Murtakib al-Kaba'ir* dan lain-lain lagi.
- Perbezaan *al-Asy'ariyyah* dan *al-Maturidiyyah*, penilaian terhadap karya-karya *Asy'ariyyah* dan *Maturidiyyah*. Beberapa tajuk dibincang mengenai asal usul Muktazilah, trend politiknya, prinsip-prinsip Muktazilah serta pemikiran terhadap Muktazilah. Turut dibincang Syiah, konsep *ahl-al-bayt*, Imamah, dan lain-lain.
- Teologi ahl-al-Sunnah yang dibawa oleh Ahmad Ibn Hanbal, Ibn Kullab, Ibn Karam, Ibn Qutaybah, al-Tabari dan lain-lain.

Menganalisis tentang isi kandungan kursus Ilmu Kalam pada peringkat awal AIUM ia lebih banyak tertumpu kepada sejarah perkembangan pemikiran Islam dalam Ilmu Kalam. Ia amat sedikit menangani cabaran aqidah semasa, umpamanya respons terhadap ideologi-ideologi Moden.

Begitu juga jika dilihat pada bidang falsafah. Tumpuan lebih diberi kepada kajian terhadap asal usul falsafah Islam dan perkembangan, faktor-faktor pertumbuhan. Malah turut membincangkan tokoh-tokoh falsafah dan teori-teori mereka, termasuk teori *al-Muthul, al-Ma'rifah, al-Nafs*, Allah, alam Tabi'i, akhlak, politik dan lain-lain.

Dalam bidang Tasawuf pula kursus yang ditawarkan lebih menumpu kepada definisi, sejarah perkembangan Tasawuf pada zaman sahabat, tabi'in, juga perkembangan pada abad 1 Hijriah. Turut diajar doktrin-doktrin tasawuf aliran tariqah dan seumpamanya.⁶⁷

Dalam bidang fiqh, secara keseluruhannya menawarkan sejarah perkembangan fiqh dari zaman Rasulullah sehingga ke zaman pembentukan mazhab, seterusnya zaman *taqlid* di samping memperkenalkan pengasas-pengasas mazhab.

Dalam bidang Fiqh Ibadat, Mu'amalat, Ahwal Syakhsiyyah, Jinayat, kajian lebih tertumpu kepada mazhab Shafi'i. Namun tidaklah langsung mengeneipikan mazhab-mazhab lain sebagai bahan perbandingan.

⁶⁷ *Ibid.*

Walau apapun pada awal penubuhan Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM) amat cenderung mengikuti sukatan kursus yang ditawarkan di Universiti Islam di Asia Barat khususnya al-Azhar. Buktinya, melalui buku-buku teks mahupun rujukan hampir keseluruhan menggunakan teks Arab semasa dan *turath*. Hanya sebahagian kecil menggunakan buku-buku berbahasa Inggeris dan Melayu.⁶⁸

Pengarang-pengarang klasik yang menjadi rujukan pelajar dan pensyarah terdiri daripada pengarang berotoriti seperti: Pengarang-pengarang klasik dalam Usul Fiqh dan Fiqh juga dapat diberikan contoh seperti:

- a. Al-Baghdadi, al-Asy'ari, al-Baqillani, al-Juwayni, 'Abd-al-Jabbar Ahmad, al-Shihristani, al-Maturidi, al-Ghazali. Sementara penulis semasa bidang Ilmu Kalam dan Falsafah seperti Muhammad Amin, Abu Zuhrah, A.M. Hanafi, W.W. Watt., 'Abd-Mu'ti Bayyumi, 'Abd-al-Halim Mahmood, Mustafa 'Abd-Raziq, Muhammad Kama' Ja'afar. Fathullah Kholief Yusuf Musa, Ghallab dan lain-lain.⁶⁹
- b. Al-Nawawi, al-Syarbini, Ibn Qudamah, Qalyubi Wa'Umayrah, al-Ramli, Ibn Rushd, al-Kasani, Ibn Humam, al-Dusuqi, al-Shirazi dan lain-lain. Sementara pengarang semasa seperti: 'Abd-al-Karim Zaydan, Muhamad Yusuf Musa, Manna' al-Qattan, Muhamad Salam Madkur, Mustafa al-Zarqa, Badran A.A., Badran, A. Hanafi, Abu Zuhrah dan lain-lain.

Perkembangan Mutakhir Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM)

Berdasarkan Buku Panduan AIUM 1995/96, beberapa perubahan amat ketara dalam perkembangan pemikiran Islam di mana beberapa ilmu bantu turut diperkenalkan seperti Pengantar Antropologi dan Sosiologi Islam, Pengantar Sains Politik, Pengantar Ekonomi, Masyarakat Islam, Institusi Politik Islam, Pentadbiran Awam, Perbandingan Agama, Hukum Islam dan Masyarakat, Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Politik dan Masyarakat Islam, Pemikiran Ekonomi, Sejarah Pemikiran Politik Moden, Pemikiran Ekonomi Islam, Mu'amalat Islam di Malaysia dan lain-lain.⁷⁰

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ Lihat, *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya*, 1995/96.

Dengan kata lain, tahun 90an dan menjelang tahun 2,000M. APIUM sedang mempersiapkan diri menghadapi pemikiran semasa di samping tetap membekalkan Pemikiran Islam Klasik.

Kesimpulan dan Penutup

Penyisihan kepemimpinan ilmu daripada tanggungjawab politik dalam Sejarah Islam telah merugikan umat. Para penguasa tidak mendapat tunjangan ilmiah yang cukup sementara ilmu membeku dalam teori-teori yang tidak mengenal realitinya. Implikasi dari suasana ini disiplin ilmu sosial terpisah dari nilai agama dan teori-teori sarjana muslim seperti Ibn Khaldun gagal dikembangkan.

Seruan kepada ijtihad tidak akan berhasil dengan hanya seruan dan keikhlasan sahaja. Ia mesti disertai dengan menyediakan infra-struktur yang bukan sahaja sebagai *Fiqh al-Shar'*, tetapi juga *Fiqh al-Waq'i*. Kegagalan menemukan kerjasama di antara kepemimpinan intelektual dan kepemimpinan politik adalah satu kerugian besar kepada tamadun Islam. Begitu juga perpecahan mazhab dan aliran dalam pemikiran Islam. Era globalisasi menuntut upaya dicantum dan diselaraskan segala potensi ke arah membina *tajdid hadari*.

Tokoh-tokoh besar seperti Ibn Hazm (abad ke-5H.), al-Izz Ibn 'Abd-Salam (660H.), Ibn Taymiyyah (m.728H.), Ibn Khaldun (m. 808H.), dan lain-lain mestilah dicontohi sebagai sarjana yang bukan terperusuk di menara gading atau dalam *halaqahnya*, tetapi sebagai sarjana yang faham dengan manusia dan masyarakat yang turut terlibat mengadakan reformasi sosial. Begitulah juga apa yang dilakukan oleh Afghani, Abduh, al-Banna, al-Maududi, Mohd Natsir (sekadar menyebut beberapa nama) di mana mereka berperanan ke arah pembaharuan pemikiran Islam setelah memahami realiti masyarakatnya.

Asia Tenggara sebagai pusat perkembangan Islam masa depan seharusnya memperkuat asas kefahaman agama dan mengislamisasikan ilmu-ilmu moden supaya dapat menjadi kiblat ilmu dan pemikiran Islam masa akan datang. Insha'Allah.